

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR
[TUMPAT]

TARIKH : 8 JUN 2015

SOALAN : Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta
MENTERI LUAR NEGERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menggunakan kedudukan kita sebagai Pengerusi ASEAN bagi mempengaruhi anggota ASEAN mengambil tindakan-tindakan yang lebih berkesan seperti memulau dagangan bagi menghadapi sikap degil berterusan oleh Israel.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat atas soalan beliau.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Dasar Luar Negara Malaysia adalah tidak menjalin hubungan diplomatik dengan Israel. Secara dasarnya juga, Kerajaan Malaysia tidak menjalin sebarang hubungan ekonomi secara langsung dengan Israel. Sejalan dengan dasar tersebut dan ditunjangi prinsip kemanusiaan dan keamanan dunia, Kerajaan Malaysia menyokong seruan dan gesaan komuniti antarabangsa dalam mendesak agar kekejaman dan penindasan ke atas rakyat Palestin di Gaza dihentikan serta merta. Malaysia juga adalah sebuah negara yang menitikberatkan prinsip-prinsip kemanusiaan dan amat prihatin terhadap penderitaan rakyat Palestin. Status ini tidak pernah berubah dan masih kekal.

3. Isu konflik Israel-Palestin yang berlarutan juga adalah antara topik yang sering menjadi perhatian ASEAN. Platform ASEAN digunakan oleh Negara-negara Anggotanya termasuk Malaysia dalam menyuarakan keperihatinan di samping menyeru Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) supaya memainkan peranan yang lebih aktif dalam menyelesaikan konflik tersebut. Selaku Pengerusi ASEAN bagi tahun 2015, Malaysia terus mengengahkan pendiriannya berhubung konflik Israel-Palestin di Mesyuarat-Mesyuarat ASEAN.

4. Semasa Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Negeri di sela-sela Sidang Kemuncak ASEAN Ke-26 yang diadakan pada bulan April yang lalu, Malaysia sekali lagi menyuarakan pendirian Malaysia terhadap isu konflik Israel-Palestin. Malaysia telah menyatakan sokongan terhadap usaha-usaha untuk mengembalikan hak-hak Arab Palestin, termasuk penubuhan sebuah negara Palestin yang berdaulat dan merdeka dengan Baitulmuqaddis Timur sebagai ibu negaranya.

Sekian, terima kasih.